

**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN,
ANUGERAH PRESTASI BAIK DAN
MAJLIS PERSARAAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**PADA
23 JUN 2014
(ISNIN)**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bertemu lagi pada perhimpunan yang julung kali diadakan pada waktu petang. Saya juga amat bersyukur dipanjangkan usia kita dan diberi kesihatan untuk terus berkhidmat di LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA bagi merealisasikan visi yang telah ditetapkan dalam agenda pembangunan negara.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2013

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri tahun 2013 Siri 2 telah dibentang di Parlimen. Dalam laporan itu sebanyak 57 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri. Pengauditan merangkumi bidang pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan hasil cukai, program peningkatan sosioekonomi, pertanian, infrastruktur, alam sekitar dan pengurusan syarikat. Antara penemuan yang diperolehi adalah bayaran interim Kementerian Kerja Raya Malaysia sebanyak RM14.38j ditandatangani pegawai tidak mempunyai kuasa. Dalam hal ini, LLM perlu menyemak dan memastikan agar keperluan penyediaan surat penurunan kuasa dilaksanakan. Pengarah Bahagian juga perlu memantau perkara ini supaya pegawai dan kakitangan dibawahnya mematuhi pekeliling-pekeliling Kerajaan

yang berkuatkuasa kerana perkara yang dibangkitkan didalam laporan audit tersebut boleh berlaku di LLM jika tidak diberi perhatian serius.

BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN MEDIA SOSIAL KKR

Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Pengurusan Media Sosial di Hotel The Legend Resort Cherating dengan penglibatan bersama oleh Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Bengkel sepanjang tiga hari bermula dari 15 hingga 18 Jun 2014 dihadiri oleh pegawai pengurusan dan komunikasi media sosial dari KKR dan setiap agensi dibawahnya. Bengkel ini bertujuan memantapkan rangkaian komunikasi RAKAN Media Sosial KKR dan agensi, disamping membincangkan pembangunan serta penyelarasan modul pengurusan komunikasi yang berkesan bagi meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Semasa bengkel, peserta didedahkan dengan teknik pengurusan media sosial disamping pengkongsian pengalaman dengan JKR Johor dan Pegawai Media Sosial Menteri Kerja Raya. Saya berharap agar pegawai dan kakitangan yang hadir ke bengkel tersebut akan mengaplikasikan segala pengetahuan yang diperolehi di samping memantau keberkesanannya supaya dapat memantapkan pengurusan media sosial LLM.

ANUGERAH PRESTASI BAIK

3. Pada hari ini, kita sama-sama memberikan pengiktirafan Anugerah Prestasi Baik kepada **66** orang pegawai pelbagai peringkat jawatan Lembaga Lebuhraya

Malaysia (LLM). Pengiktirafan ini adalah sebagai penghargaan LLM kepada warga yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2013. Penilaian adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu kecemerlangan memperoleh markah prestasi 90% ke atas pada tahun penilaian tetapi tidak menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) berikutan Pekeliling Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah menetapkan kuota 8% sahaja layak menerima APC pada setiap tahun selain hendaklah melebihi tempoh 3 tahun selepas menerimanya.

4. Saya menaruh kepercayaan, keseluruhan warga LLM, telah memberikan perkhidmatan terbaik seperti yang telah dibuktikan dengan pencapaian kita selama ini. Warga kerja cemerlang sudah pasti menjadi peneraju transformasi agenda Kerajaan dan dapat memberikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik malah berjiwa rakyat.

5. Bagi pihak pengurusan LLM, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima. Semoga anugerah yang bakal diterima oleh tuan-tuan dan puan-puan akan menjadi pembakar semangat dan meningkatkan lagi motivasi diri untuk terus menyumbang bakti kepada perkhidmatan Kerajaan, di samping menjadi sumber motivasi kepada warga kerja yang lain.

PERSARAAN WARGA LLM

6. Majlis petang ini juga diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima

kasih yang tidak terhingga pihak Kerajaan khususnya LLM atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi oleh Encik Md Sani Bin Dawam Ketua Audit Dalam dan Puan Norlia Binti Azaludin Pembantu Tadbir (P/O) Pejabat Wilayah Utara. Sesungguhnya khidmat bakti tuan puan lebih 30 tahun ini tiadalah boleh disamakan nilainya dengan hanya sebuah majlis ini sahaja. Namun, majlis ini merupakan pengiktirafan dan tanda peringatan kita yang masih berkhidmat kepada Encik Sani dan Puan Norlia yang telah bersama-sama menyemai bakti menjadikan LLM sebagai agensi yang menyumbang secara kritikal kepada pembangunan lebuh raya Negara.

7. Persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna bagi setiap penjawat awam. Pasti Encik Sani dan Puan Norlia telah pun membuat perancangan bagi menghadapi alam baru ini. Saya pasti ada yang mahu berniaga, menulis buku atau mungkin berhasrat menghabiskan masa bersama isteri, anak-anak mahu pun cucu. Walau apa pun, hakikatnya setiap pesara sebenarnya sedang melangkah atau telah memasuki fasa hidup yang baharu dan pastinya akan berhadapan dengan suasana dan cabaran yang berbeza dari alam pekerjaan.

8. Untuk makluman, Encik Sani dan Puan Norlia telah pun berkhidmat sejak LLM beroperasi di Bangunan Syed Kechik lagi. Dalam tempoh yang panjang ini, pastinya telah melalui pelbagai ranjau, suka dan duka dalam Perkhidmatan Awam. Bukan sahaja telah merasai waktu-waktu manis kejayaan dan kecemerlangan malah juga masa-masa pahit maung kegagalan mahu pun kekecewaan. Saya yakin, sebenarnya terlalu banyak pengalaman serta pengetahuan yang telah tuan puan timba dan kecap

selama ini yang boleh serta patut dijadikan tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang ini.

9. Dalam konteks ini, saya percaya tuan puan sekalian sudah cukup bersedia dan tidak akan menghadapi masalah besar dalam mengatur strategi menghadapi dunia persaraan. Ini kerana anda berdua telah pun berjaya membuktikan kegigihan, kewibawaan dan kepimpinan dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang menjadi penjawat awam, termasuklah semasa di LLM.

DASAR PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

10. Sebagaimana sedia maklum, bulan Ramadhan semakin hampir dan kita tidak putus-putus berdoa untuk dipertemukan semula dengan bulan yang penuh dengan keberkatan. Namun begitu pada kebiasaannya, pada bulan-bulan sebegini Pejabat kita sering dikunjungi oleh individu-individu yang membawa hadiah atau cenderahati berbentuk barang makanan dan sebagainya. Ingin saya ingatkan disini bahawa setiap warga LLM perlu mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam.

11. Adalah menjadi tanggungjawab saya selaku Ketua Pengarah untuk mengawal perlakuan pegawai yang boleh menjatuhkan imej dan integriti LLM. Sehubungan dengan itu, semua warga LLM adalah diminta memastikan sebarang pemberian dan penerimaan hadiah samada dalam bentuk sumbangan atau tajaan hendaklah mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan. LLM juga telah memaklumkan perkara ini

kepada semua syarikat konsesi agar mereka sedar dan peka dengan peraturan sedemikian. Selepas ini akan ada perbentangan berkenaan Ikrar Integriti Korporat (CIP) oleh Pengarah Kanan Pengurusan yang berkait dengan isu ini.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Pertasi Baik Tahun 2014. Teruskan kecemerlangan dan bertekadlah untuk jadi lebih cemerlang di masa akan datang. Dikesempatan ini juga saya ingin mengingatkan kepada peminat-peminat Bola Sepak Piala Dunia agar aktiviti kerja seharian anda tidak terganggu diwaktu kehangatan piala dunia yang jadual perlawanan pada awal pagi.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.